

VARIA

Fahami ilmu madu kelulut

KHASIAT madu kelulut menjadi topik hangat sejak kebelakangan ini. Tidak dinafikan, populariti itu meningkat sejak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengiktiraf madu kelulut sebagai produk *superfood*.

Secara tidak langsung, situasi itu menyebabkan perusahaan kelulut tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Trend ini dilihat sebagai satu punca pendapatan sampingan yang menjadi pilihan semua lapisan masyarakat apabila jualan madu mendatangkan hasil lumayan.

Pihak Akademi Kelulut Malaysia dengan kerjasama Institut Genom Malaysia (MGI),

Acara

INFO

Lokasi: Institut Genom Malaysia, Jalan Bangi, 43000 Kajang, Selangor
Tarikh: 16 hingga 18 Mei 2017
Masa: 9 pagi hingga 5 petang
Telefon: 011-1514 2620
Laman web:
www.facebook.com/akademikelulutmalaysia/

Institut Bioteknologi Malaysia (NIBM), Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia, Institut Kajian Dasar dan Pertanian, Persatuan Ekonomi Pertanian Malaysia (PETA) dan Pusat Sistemik Serangga (CIS), Universiti Kebangsaan Malaysia bakal mengadakan suatu persidangan antarabangsa mengenai kelulut pada 16 hingga 21 Mei ini di Kajang, Selangor.

Pelbagai acara menarik bakal diadakan seperti lawatan ke tapak penternakan kelulut, ceramah kesedaran mengenai pensijilan halal oleh pihak Jabatan Kemajuan

Islam Malaysia dan pengesanan ketulenan madu.



MADU kelulut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai sejak akhir-akhir ini. – Gambar hiasan